

Ahli Parlimen BN sokong perjumpaan Abdullah-Bush

UM - 21/9/2008

KUALA LUMPUR 20 Sept. - Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) memuji tindakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengadakan perbincangan dengan Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush mengenai pentingnya semua pihak menghormati antara agama bagi mengelakkan konflik.

Menurut mereka, perkara itu jelas menunjukkan bahawa Perdana Menteri selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mempunyai cara tersendiri dalam memimpin negara atau sesebuah pertubuhan.

Razali Ibrahim (BN-Muar) berkata, pertemuan Abdullah itu kini memberi penjelasan sebenar mengenai Islam.

Menurut beliau, bukan mudah bagi seseorang itu menerangkan konsep Islam kepada pemimpin Barat.

"Dalam perkara ini, beliau (Abdullah) berjaya sebagai seorang pemimpin Islam yang inginkan keamanan dan memulihara keharmonian.

"Masih tidak ramai di dunia ini yang memahami Islam. Pelbagai pihak mempunyai pandangan berbeza mengenai

Masih tidak ramai di dunia ini yang memahami Islam. Tindakan Perdana Menteri kita berbincang dengan Bush mengenai Islam adalah wajar dan dipuji

Islam. Tindakan Perdana Menteri kita berbincang dengan Bush mengenai Islam adalah wajar dan perlu dipuji," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di lobi Parlimen, hari ini.

Razali berkata demikian sebagai mengulas perbincangan Abdullah dan Bush semalam secara panjang lebar dan mencapai persetujuan mengenai pentingnya semua pihak menghormati antara agama bagi mengelakkan konflik.

Pertemuan selama 55 minit antara Abdullah dan Bush itu berlangsung ketika berlakunya konflik di Asia Barat dan salah tanggapan mengenai Islam oleh Barat.

Sementara itu, **Datuk Idris Haron (BN-Tangga Batu)** berkata, tiada agama mengajar umatnya menjurus kepada keganasan atau perpecahan.

Tambahnya, pihak Barat sering me-

labelkan' Islam sebagai keganasan tetapi perjumpaan Abdullah itu sudah cukup menjelaskan bahawa Islam bukan pengganas malah agama (Islam) tersebut juga memperjuangkan keamanan.

"Kalau seseorang itu benar-benar memahami Islam, dia tidak akan melakukan keganasan. Mereka yang tidak faham Islam sahaja melibatkan diri dalam aktiviti keganasan," ujar beliau.

Dr. Wee Ka Siong (BN-Ayer Itam) pula berkata, perjumpaan Abdullah dengan Bush adalah tepat pada masanya.

"Saya merasakan tindakan Perdana Menteri kita adalah satu inisiatif murni yang perlu dipuji. Walaupun berlainan agama, tidak wajar bagi seseorang itu mengaitkan mana-mana agama sebagai pengganas.

**RAZALI
IBRAHIM**
Ahli
Parlimen
Muar

"Dalam perjumpaan itu, saya merasakan kini Amerika Syarikat sedar dan bersikap lebih terbuka mengenai Islam," katanya.